

44 Pelajar Pra-U Sertai Program Motivasi

Oleh Judas Gunsalam

Keningau, 7 Mei – Seramai 44 pelajar Komunikasi Tahun Tiga Perhubungan Awam dan Periklanan dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil bahagian Program Motivasi dan Interaksi bersama Pelajar STPM SMK Keningau II yang melibatkan seramai 70 orang pelajar tingkatan enam bawah di sekolah tersebut.

Program ini dijalankan selama satu hari dengan pelbagai aktiviti dijalankan termasuk sesi berinteraksi bersama peserta dan ceramah motivasi daripada Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Nurlina Binti Arappe.

Pengarah Program Motivasi dan Interaksi bersama Pelajar SMK Keningau II, Chang Wai Kent berkata, program ini sangat membantu pelajar yang baru mendaftar masuk ke Pra-U.

“Segelintir dalam kalangan pelajar ini tidak mempunyai keyakinan dengan jalan yang mereka pilih. Mereka masih ragu-ragu untuk memilih jalan yang betul,” kata Kent.

Menurut Kent, program ini amat penting bagi pihak SMK Keningau II kerana pelajar diberi peluang untuk berinteraksi dengan mahasiswa UMS.

Interaksi ini dapat mengukuhkan lagi keyakinan mereka dan menjawab persoalan-persoalan yang timbul dalam fikiran mereka mengenai STPM dan kehidupan di universiti.

Program ini dijalankan bertujuan untuk membantu pihak sekolah dalam program motivasi kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan STPM nanti.

Selain itu, pelajar UMS juga berpeluang berkongsi pengalaman sebagai pelajar universiti.

“Kami amat mengalu-alukan kehadiran mahasiswa UMS di SMK Keningau II. Saya percaya, program ini sangat sesuai dijalankan untuk pelajar Pra-U yang baru sahaja mendaftar masuk pada 5 Mei yang lalu,” kata Penolong Kanan Tingkatan Enam SMK Keningau II, Junaidah Shaik Abdullah ketika berucap.

Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS, Nurlina Binti Arappe berkata, program ini merupakan program yang bernilai murni kerana memberi semangat dan motivasi kepada para pelajar sekolah.

Melalui program ini juga, pelajar UMS berkesempatan mempromosikan nama UMS sebagai sebuah pusat gedung ilmu yang terbesar di Sabah.

Slogan program ini adalah *'Dream it, Start for it, Work for it, Achive it'*. Kent berkata, kejayaan bukan bergantung dengan cita-cita atau fikiran, tetapi berasaskan usaha sendiri untuk mencapai kejayaan.

“Saya berharap, pihak SMK Keningau II menganjurkan satu lawatan khas untuk pelajar Pra-U ke UMS. Kami sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka”, kata Kent.



Penganjur program bersama peserta ketika Program Motivasi dan Interaksi bersama Pelajar STPM SMK Keningau II.